

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

4. Tahun Melawat Malaysia 2020 telah dibatalkan akibat wabak COVID-19.
 - (a) Berapakah kerugian yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri?
 - (b) Nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha industri pelancongan mengatasi krisis yang genting ini?
 - (c) Terangkan prospek industri pelancongan untuk tahun ini.

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Tahun Melawat Malaysia 2020 merupakan kempen pelancongan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Kerajaan Negeri tidak mengalami sebarang kerugian secara langsung dari segi wang ringgit melalui pembatalan kempen tersebut. Walau bagaimanapun, penularan wabak COVID-19 di Malaysia telah menyebabkan pengurangan bilangan pelancong ke Pulau Pinang.
 - (a) Pengurangan bilangan pelancong ini akan memberikan implikasi kepada pendapatan daripada sektor pelancongan Pulau Pinang. Namun, kerugian masih tidak dapat dinilai berdasarkan situasi semasa COVID-19 yang kurang stabil.

Tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah industri pelancongan negeri dalam situasi COVID-19 ini adalah berdasarkan kepada Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan (Tourism Recovery Action Plan) seperti berikut:

- (i) Menangguhkan kempen promosi, pemasaran dan program-program pelancongan dalam jangka masa pendek sehingga situasi wabak COVID-19 dapat dikawal;
- (ii) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti agensi kerajaan, hotel penginapan, ejen pelancongan, pengusaha tempat tarikan pelancong dan syarikat penerbangan bagi membincang dan menghasilkan rancangan yang komprehensif di bawah Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan;
- (iii) Memberi tumpuan kepada pasaran pelancongan domestik dalam jangka masa pendek dan sederhana. Promosi seperti pameran dan pengiklanan akan dilaksanakan kepada pasaran domestik. Pejabat Penang State Exco for Tourism Development, Arts, Culture and Heritage (PETACH) juga telah mengambil inisiatif melaksanakan Program Cuti-Cuti Pulau Pinang dengan menyokong promosi bagi kempen "Penang Lang 50% Off" oleh Association of Tourism Attractions Penang (ATAP) dan akan terus dikaji untuk dipanjangkan kepada pelancong-pelancong domestik;
- (iv) Menghasilkan video promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang selamat;
- (v) Bagi jangka masa panjang, kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan bagi memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa. Tempoh promosi tertakluk kepada situasi penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan negara lain.

- (b) Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha industri pelancongan mengatasi wabak Covid-19 adalah seperti berikut:
- (i) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM500.00 kepada peniaga kecil dan penjaja berlesen;
 - (ii) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM500.00 kepada pemandu pelancong;
 - (iii) Pemberian RM500.00 wang insentif kepada pemandu teksi dan penarik beca;
 - (iv) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM300.00 kepada pemandu *e-hailing*;
 - (v) Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
 - (vi) Memberikan pinjaman tanpa faedah kelangsungan perniagaan Pulau Pinang kepada golongan usahawan.

Kerajaan Negeri dalam rancangan untuk memberi bantuan kepada pemandu bas persiaran, van persiaran dan limosin yang berdaftar di Pulau Pinang.

- (c) Wabak COVID-19 telah menjaskankan sektor pelancongan bukan hanya di Pulau Pinang, malah di seluruh dunia. Pemulihan sektor pelancongan adalah bergantung kepada situasi pembendungan wabak COVID-19 di Malaysia dan negara asing dan tidak dapat dijangkakan kerana wabak COVID-19 adalah amat dinamik dan boleh berubah di mana-mana sudut di dunia ini dalam masa yang sangat singkat.